

05/12/1998

Kempen HDAM disambut baik

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak mengalu-alukan kempen besar-besaran bagi menggalakkan pemilikan rumah di kalangan rakyat anjuran bersama Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) dan bank tempatan, selama sebulan mulai 12 Disember depan.

Setiausaha Agung Majlis Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, berkata usaha ini satu daripada langkah terbaik kerajaan bukan sekadar untuk memulihkan semula ekonomi negara, bahkan membantu lebih rakyat negara ini memiliki rumah sendiri.

Menurutnya, dengan pelbagai kemudahan diberi terutama dengan kadar faedah yang lebih rendah serta pembiayaan pinjaman sehingga 95 peratus, adalah berita melegakan bagi rakyat yang masih belum memiliki rumah.

"Ini adalah langkah paling baik oleh kerajaan, sektor perumahan akan bertenaga semula dan sekali gus dapat menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara ini," katanya.

Beliau mengulas mengenai cadangan HDAM untuk memberi potongan 10 peratus daripada harga rumah, di samping menyediakan beberapa pakej menarik termasuk pembiayaan pinjaman sehingga 95 peratus, pengecualian duti setem dan yuran pemprosesan pembelian rumah serta pengurangan ketara bayaran kos perundangan.

Semalam, Presiden HDAM, Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata kempen hasil idea kerajaan dan diperakukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) itu bertujuan menggalakkan pemilikan rumah sebagai rancangan simpanan dan pelaburan jangka panjang, serta bertindak sebagai pelindung sebagai inflasi.

Zainal bagaimanapun berkata, kerajaan patut memberi tumpuan lebih kepada rumah kos sederhana dan kos rendah sederhana, kerana yang masih tidak mampu untuk memiliki rumah ialah golongan berpendapatan sederhana.

"Dengan jaminan kadar faedah yang rendah dan kemudahan pinjaman, saya yakin rakyat negara ini sudah pasti tidak akan melepaskan peluang untuk memiliki rumah sendiri," katanya.

Bagaimanapun Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), N Marimuthu, meminta pembeli rumah supaya berhati-hati apabila membuat sebarang pembelian dan memastikan pihak bank membuat komitmen hitam putih sebelum menandatangani sebarang perjanjian jual beli.

Menurutnya, potongan harga 10 peratus itu tidak penting, apa yang lebih perlu ialah sama ada pihak bank akan memberi kerjasama sepenuhnya dalam mengeluarkan pinjaman yang dijanjikan.

"Fomca tidak mahu kempen ini hanya sebagai gimik untuk melariskan rumah. Berikutan itu, perkara pertama yang perlu dilakukan pembeli ialah mendapatkan komitmen hitam putih daripada pihak bank sebelum membayar deposit atau menandatangani perjanjian jual beli," katanya.

Marimuthu berkata, sejak kegawatan melanda negara Julai tahun lalu, persatuan itu menerima sekurang-kurangnya 15 aduan di Selangor sahaja membabitkan pembeli ditipu oleh pemaaju perumahan, terutama apabila bank enggan mengeluarkan jumlah pinjaman yang dijanjikan.

"Antara aduan diterima ialah deposit sudah dibayar tetapi pinjaman bank tidak diluluskan. Selepas itu pemaaju enggan membayar balik deposit," katanya.

Justeru katanya, Bank Negara Malaysia (BNM) perlu pastikan tidak ada pemaaju atau bank mengambil kesempatan daripada kempen yang mendapat restu bank pusat itu.

Sementara itu presiden baru Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata kempen anjuran HDAM ini adalah baik kerana ia dapat membantu lebih ramai kakitangan kerajaan memiliki rumah sendiri.

"Kita juga harus menggalakkan kakitangan kerajaan membeli rumah dan menganggap pembelian itu sebagai satu pelaburan masa depan," katanya.

Beliau juga berharap, ketua-ketua jabatan dapat membantu mengadakan kempen kesedaran di kalangan kakitangan masing-masing untuk menjayakan program yang turut direstui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)